

PERANAN DAN KEUTUHAN IMAN PEMUDA PADA ZAMAN NABI MUSA A.S DALAM AL-QURAN

Hamzah Omar
Hasbie al-Shiddieque Bin Ahmad
Khadijah

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Pemuda merupakan tunggak utama dalam penyebaran agama tauhid yang di bawa oleh Rasul Allah saw. Ini juga berlaku pada zaman nabi Muhammad saw yang melibatkan beberapa sahabat yang masih berjiwa muda antaranya ialah Saidina Ali bin Abi Talib. Begitu juga berlaku pada zaman nabi Musa a.s yang dirakamkan dalam al-quran tentang peranan pemuda terhadap penyebaran agama tauhid. Kajian ini menfokuskan kepada peranan dan keutuhan iman seorang pemuda dalam melancarkan proses penyebaran agama tauhid. Kajian ini juga menggunakan kaedah perpustakaan yang menjadikan kitab rujukan utama sebagai sumber primer dan rujukan tambahan sebagai sumber sekunder. Hasil kajian mendapati bahawa sumbangan yang disalurkan oleh seorang pemuda amat memberi kesan kepada penyebaran dan keutuhan iman sesetengah kelompok masyarakat.

Kata kunci: Pemuda, Peranan, agama tauhid

Pendahuluan

Pemuda merupakan generasi muda yang sangat berpengaruh untuk proses pembangunan negara. Pemuda merupakan harapan dalam setiap kemajuan di dalam suatu bangsa yang dapat mengubah pandangan orang dan menjadi tumpuan para generasi terdahulu untuk mengembangkan idea-idea ataupun gagasan berilmu, wawasan yang luas, serta berdasarkan nilai-nilai yang berlaku di kalangan masyarakat.

Pemuda generasi sekarang sangatlah berbeza apabila dibandingkan dengan generasi terdahulu dari segi pergaulan, kegiatan sosial, cara berfikir serta cara menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Pemuda-pemuda zaman dahulu lebih berfikiran secara rasional dan jauh ke hadapan, serta matang dalam membuat sebarang tindakan. Sedangkan pemuda zaman sekarang masih terkesan terhadap masalah sosial dan lingkungannya. Maka memerlukan tindakan pelbagai pihak bagi menyelesaikan masalah ini untuk memperbaiki cara berfikir para pemuda zaman sekarang (Reval, 2013).

Pengertian Pemuda Menurut Bahasa

Pemuda adalah seorang lelaki yang masih muda iaitu dikenali dengan orang muda. (Kamus Dewan, 1996). Perkataan pemuda berasal daripada perkataan Latin “adolescence” yang bermaksud meningkat dewasa dan matang. Ia merupakan satu jangka masa peralihan daripada zaman kanak-kanak kepada alam dewasa. Pemuda pada umumnya merujuk kepada golongan manusia yang berumur 12 hingga 21 tahun atau 13 hingga 25 tahun. Golongan ini

sentiasa mempunyai perasaan ingin mencuba dan sedang menuju ke tahap untuk menjadi dewasa. Dari sudut perkembangan manusia, pemuda merujuk kepada satu peringkat perkembangan manusia, iaitu peringkat keadaan antara peringkat kanak-kanak dan peringkat dewasa. Semasa seseorang itu mengalami zaman muda, dia akan mengalami pelbagai perubahan drastik, termasuklah perubahan jasmani, sosial, emosi dan bahasa. Akibat daripada itu, pemuda merupakan orang yang mempunyai emosinya yang tidak stabil, dan sentiasa “bermasalah”. (Karl C. Garisson, 1975)

Yusoff Zaky (1977) mengatakan bahawa biasanya pemuda adalah mereka yang berada dalam lingkungan 13 hingga 21 tahun. Terdapat beberapa istilah yang sering dikaitkan dengan pemuda. Antaranya ialah belia, anak muda dan orang muda. Istilah lain yang berkaitan pula digunakan bagi menerangkan sikap umum yang ada pada diri pemuda itu sendiri seperti baligh dan matang.

Zaman muda adalah zaman yang paling unik sekali dalam kehidupan seseorang. Dari aspek fizikal, berlaku perubahan jasmani dan kematangan seksual untuk anak muda. Dari segi sosialnya, wujud usaha untuk mencapai kebebasan daripada kongkongan ibu bapa dan kebebasan mencari identiti sendiri (Saerah Siraj, 1993).

Bagi Hafizah Dasuki (1997) golongan belia atau pemuda ditakrifkan sebagai mereka yang dalam lingkungan umur selepas zaman kanak-kanak dan sebelum memasuki usia dewasa. Umumnya mereka yang berusia 15 ke 25 membawa ke 30 tahun. Ia juga ditakrifkan sebagai mereka yang sudah baligh hingga berumur sekitar 25 tahun. Ini bertepatan dengan syariat Islam yang mewajibkan pelaksanaan Rukun Islam seperti sembahyang, puasa, zakat dan lain-lain ibadat.

Pengertian Pemuda Menurut Perspektif Islam

Fuad Ifrah (1982), mengatakan bahawa dari perpektif Islam, belia dikaitkan dengan umur baligh. Di dalam al-Quran ada disebut perkataan '*fata*' dan di dalam hadis pula disebut perkataan '*syabab*'. Kedua-duanya membawa maksud pemuda ataupun belia. Menurut Islam, manusia ditentukan kewajipan untuk melaksanakan tanggungjawab kepada Allah s.w.t, Rasulullah s.a.w dan masyarakat. Jesteru itu, Islam menetapkan umur baligh penting bagi menentukan sama ada pemuda tu sudah sampai tahap *mukalaf* ataupun tidak. *Mukalaf* bermaksud orang yang sudah cukup umur dan diwajibkan mematuhi hukum hakam Islam. Mereka juga akan dipertanggungjawabkan ke atas segala tingkah laku serta perbuatan mereka.

Cabaran untuk melahirkan pemuda Islam yang mempunyai sahsiah unggul memerlukan komitmen pelbagai pihak. Sahhsiah unggul adalah suatu konsep yang menghubungkan tentang kualiti insan atau manusia. Dari perspektif Islam, pembangunan sahsiah bukan sahaja berdasarkan kepada pembangunan insan dari aspek jasmani tetapi merangkumi seluruh aspek rohani, naluri dan akal. Menurut Imam Ghazali, sahsiah melibatkan pengetahuan agama, akidah, penghayatan al-Quran, adab kehidupan keluarga, perhubungan sesama manusia, akhlak, budi pekerti dan perkembangan jiwa.

Pandangan Sarjana Islam Terhadap Pemuda

Golongan pemuda adalah golongan yang memikul beban amanah untuk melanjutkan proses perkembangan dakwah dan generasi penerus bagi pembangunan ummah. Peranan pemuda adalah amat penting kerana golongan ini adalah pewaris masa depan sesebuah negara dan kemimpinan umat. Pelbagai hadis Nabi s.a.w yang berkaitan dengan peranan golongan

pemuda telah diutarakan untuk menyedarkan para pemuda tentang hak dan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh mereka dalam sesebuah institusi masyarakat menurut kaedah yang telah ditetapkan oleh Islam. (Sulaiman Ibrahim 2000).

Ahmad Sarji Abdul Hamid (2001), ada cendekiawan Islam yang menyatakan bahawa anugerah Allah S.W.T yang terbaik bagi manusia ialah zaman mudanya. Zaman pemuda adalah zaman yang paling gemilang bagi setiap orang. Zaman pemuda juga

adalah zaman produktif, membangun dan membina. Zaman pemuda sebenarnya adalah zaman kekuatan di antara dua kelemahan, iaitu kelemahan di zaman kanak-kanak dan di zaman tua. Allah s.w.t menjelaskan perkara ini di dalam al-Quran yang bermaksud:

Firman Allah s.w.t:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً ثُمَّ جَعَلَ مِنْ بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ
(٥٤)

Maksudnya:

Allah Yang menciptakan kamu bermula Dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu ia menjadikan kamu kuat. Setelah itu ia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. ia menciptakan apa Yang dikehendakiNya, dan Dia lah jua Yang Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa.

(Surah al-Rum (30): 54)

Ayat ini membawa kita untuk mengambil pengajaran agar memanfaatkan usia keemasan ini kerana masa akan terus berlalu. Proses kitaran dan kronologi ini merupakan fitrah kehidupan. Sekiranya peluang ini tidak dapat dibangunkan oleh pemuda, ummah akan menerima kerugian dan impak yang besar disebabkan kecuaiannya tersebut. Ibn Khaldun mengungkapkan sesebuah bangsa atau masyarakat hanya akan mencapai kecemerlangan apabila unsur-unsur kekuatan persaudaraan, keterampilan akhlak mulia dan agama tersemayam di sanubari setiap manusia. Kalau lemah unsur-unsur ini maka akan lemahlah sesuatu bangsa atau masyarakat itu. Yusuf al-Qardhawi menegaskan: ‘Perlu segera disedari bahawa pemuda kebangkitan Islam adalah generasi termahal dan paling berharga yang terdapat di negeri-negeri kaum muslimin. Dalam khutbah Aidil Adha di Iskandariah Mesir, beberapa tahun yang lalu, saya tegaskan kepada jemaah: Sesungguhnya yang termahal di Mesir bukanlah kapas, minyak dan Suez, melainkan para pemudanya. Pemuda mukmin yang lurus merupakan potensi termahal dalam umat. Mereka adalah kekayaan umat yang sebenarnya, mereka tabungan masa depan ummah. Oleh itu, sewajarnya kita memberi perhatian yang besar kepadanya. Jika anda meninggalkan mereka, maka dengan siapa lagi mereka membangun dan memajukan ummah.’

Khadijah Haidi (1994) menyatakan, ‘Gerakan yang dimainkan oleh pemuda dalam budaya kerja yang kolektif akan mampu mencetuskan perubahan di dalam masyarakat. Hakikat ini memang tidak boleh dinafikan kerana kebangkitan ummah dari dahulu, kini, dan mungkin selama-lamanya banyak didominasi oleh golongan muda. Hussain Mohamed (1986), perkembangan sejarah dunia telah memperlihatkan bahawa dari masa ke semasa, golongan ‘orang muda’ atau ‘belia dalam sesebuah masyarakat itu telah mencul sebagai satu tenaga kolektif penting yang terlibat secara langsung dalam berbagai kegiatan kemasyarakatan dan kemanusiaan. Penglibatan ini telah menjadikan golongan muda dapat memainkan peranan tertentu dalam perubahan yang dialami oleh sesebuah masyarakat malahan dalam bentuk hubungan dua hala. Perubahan itu juga turut mempengaruhi golongan pemuda, iaitu seperti mana yang pernah disebut oleh Fishman dan Solomon, “...the process of social change itself may be a potent enzyme in the development of social action group among youth.....”

Peringkat pemuda merupakan tahap pertumbuhan seseorang manusia yang amat genting. Ketika ini individu meninggalkan zaman remajanya yang menandakan berakhirnya zaman pergantungan kepada ibu bapa dan bermulanya masa berdikari. Perpisahan ini bukan satu perkara yang mudah, terutamanya apabila mereka masih mengharapkan kewangan daripada keluarga sambil belajar untuk hidup bebas. Di tahap ini juga, anak muda mula terlibat dalam membuat keputusan yang akan mempengaruhi masa depan mereka. Mereka mula memusatkan tenaga dan minat kearah pertumbuhan dan pembangunan diri. Dengan perkataan lain, mereka mula dibebankan dengan kemungkinan menghadapi kegagalan yang akan menyebabkan mereka mengalami pelbagai masalah peribadi dan sosial. Sekiranya mereka tidak mendapat bimbingan yang sewajarnya, ada kemungkinan mereka akan mengasingkan diri, membuat keputusan yang melanggar kebiasaan, dan seterusnya menjadi beban kepada keluarga, masyarakat dan negara (Noraini Ahmad, 1994).

Masyarakat dan negara mahukan pemuda mempunyai akhlak mulia, produktif, berkemahiran melaksanakan amanah terhadap diri, keluarga, masyarakat, negara dan PenciptaNya. Matlamat yang sebegini luas tidak dapat dipenuhi melalui sistem persekolahan formal semata-mata. Walau bagaimanapun, sistem persekolahan berupaya pendedahan awal ke arah pencapaian matlamat tersebut. Malangnya, ramai pemuda yang tidak mengikuti persekolahan secara berterusan (mungkin kerana gagal di dalam peperiksaan, kesimpatan hidup keluarga, cacat dan sebagainya). Oleh yang demikian, satu pendekatan pendidikan yang lebih dinamik diperlukan untuk menyediakan untuk menyediakan pemuda (terutama mereka yang meninggalkan pendidikan formal terlu awal) agar dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara (Laili Ibrahim, 2012).

Melalui pandangan sarjana-sarjana Islam ini dapat diketengahkan satu teori bahawa pemuda merupakan masa yang subur untuk dibentuk, dipupuk dengan segala perkembangan yang positif. Perkembangan pemuda ini banyak terletak kepada pemuda itu sendiri dan masyarakat yang lebih dewasa. Suatu gagasan dan perancangan yang padu perlu dilakukan dengan konsisten bagi menghasilkan pemuda yang dominan dalam pelbagai aspek. Tidak seharusnya kita melemparkan kata yang sinis dan membunuh potensi mereka seperti 'pemuda hari ini telah rosak moral mereka', 'pemuda hari ini lebih bersikap kurang beradab terhadap orang yang lebih tua', 'pemuda hari ini lebih suka berfoya-foya' dan sebagainya.

Perkataan dan bicara seperti ini sekiranya tidak dihalusi ianya akan membawa kesan negatif yang mendalam di dalam jiwa pemuda. Mereka akan mengambil kesimpulan bahawa dalam usia pemuda ini memang kecederungan mereka adalah ke arah yang tidak bermoral dan negatif. Runtutan jiwa mereka memang ingin bebas tanpa sekatan dan kongkongan. Mereka ingin berdikari dengan erti kata yang salah (tidak boleh ditegur, dibentuk dan dihalang keinginan mereka). Apabila mereka melakukan kesalahan dan perkara yang tidak bermoral, pemuda dan masyarakat akan mengatakan sememangnya usia pemuda sedemikian iaitu mereka lebih cenderung kepada perkara yang tidak baik. Prasangka, pemikiran dan kefahaman seperti ini amat berbahaya, dan ia lebih bahaya daripada dadah. Ia akan mendorong secara tidak langsung kepada perbuatan yang tidak bermoral. Perkara yang salah akan dipandang dengan kebenaran dan perkara yang benar akan dipandang sebagai suatu kesalahan. Belia, ibu bapa dan masyarakat seolah-olah bersependapat bahawa sememangnya usia di awal muda itu suatu proses perubahan yang akan lebih kepada perkara-perkara yang negatif. Akhirnya ibu bapa dan masyarakat akan berlepas tangan untuk menegur, mencegah mereka daripada melakukan perkara-perkara yang salah berdasarkan di atas tanggapan tersebut (Mahjubah Magazine, 1992).

Pandangan sarjana-sarjana Islam di atas membuktikan bahawa usia pemuda adalah usia yang paling berharga dan fitrah mereka sebenarnya sukakan kepada kebenaran, kejujuran, ketaatan dan pengorbanan. Mereka harus dibimbing, dididik dan dikawal agar aset yang bernilai ini benar-benar dapat dimaksimumkan potensinya kearah kecemerlangan yang bersepadu dari aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek. Segala prasangka negatif ke atas pemuda perlu dikikis sedikit demi sedikit dan usaha memperkasakan prestasi kecemerlangan mereka perlu terus dilakukan dengan konsisten. Minda masyarakat kita hari ini dan khususnya pemuda sendiri telah terkesan dengan pandangan Barat yang mengatakan usia pemuda ini sering dikaitkan dengan segala keinginan dan kebiasaan yang negatif. Sedangkan pandangan Islam sama sekali bertentangan dengan fakta tersebut. Fitrah semula jadi manusia adalah cinta kepada kebaikan, kesempurnaan, ketulusan, kesucian dan pengabdian kepada Allah s.w.t.

Perkembangan pemuda hari ini yang sering dikaitkan dengan gejala negatif adalah disebabkan pengaruh pendidikan awal di dalam keluarga yang kurang menekankan kefahaman, pengalaman dan penghayatan agama. Faktor ini diperkukuhkan lagi dengan keadaan persekitaran yang tidak memberi sumbangan ke atas pembentukan budaya positif, nilai-nilai murni, ketaqwaan dengan segala kebaikan. (Asmah Bee, 1999) Peranan media massa sama ada berbentuk cetakan atau elektronik juga banyak membentuk persepsi, minda seterusnya mengundang pemuda kearah kemungkar, kemaksiatan, keterlanjuran dan gejala-gejala yang tidak bermoral. Apabila berlaku sesuatu perkara yang negatif dikalangan pemuda seperti budaya merokok, memukul, mencuri, berpasangan sebelum nikah, melepak, merosakkan harta awam, lumba haram, penyakit moral yang lain, masyarakat akan mengatakan itulah lumrah bagi seorang pemuda dewasa kini. Sebenarnya Islam memandang sebaliknya. Penyakit-penyakit tersebut bukan lumrah bagi seorang pemuda muslim. Pemuda muslim sentiasa dikelilingi dengan keinginan yang positif, menyuburkan minda dan rohani kearah kecemerlangan dan ketaqwaan. Tanggapan inilah yang merupakan asas utama perlu diperbetulkan di kalangan masyarakat dan belia. Sekiranya masyarakat dan pemuda mempunyai interpretasi yang betul terhadap peranan yang perlu dilaksanakan maka penyusunan semula dalam membentuk pemuda cemerlang akan mudah dan lancar.

Pemuda Yang Bergaduh Dan Salah Satunya Ditumbuk Oleh Nabi Musa a.s Sehingga Mati

Kisah ini dipetik dalam surah al-Qasas ayat 14 hingga 19 yang menceritakan seorang pemuda yang ditumbuk oleh nabi Musa a.s. Firman Allah s.w.t:

وَلَمَّا بَلَغَ أَشُدَّهُ وَاسْتَوَىٰ آتَيْنَاهُ حُكْمًا وَعِلْمًا ۗ وَكَذَٰلِكَ نَجْزِي الْمُحْسِنِينَ (١٤) وَدَخَلَ الْمَدِينَةَ عَلَىٰ حِينِ غَفْلَةٍ مِّنْ أَهْلِهَا فَوَجَدَ فِيهَا رَجُلَيْنِ يَقْتَتِلَانِ هَٰذَا مِنْ شِيعَةِ هَٰذَا وَمِنَ عَدُوِّهِ فَاسْتَعَاثَ الَّذِي مِنْ شِيعَتِهِ عَلَى الَّذِي مِنْ عَدُوِّهِ فَوَكَرَهُ مُوسَىٰ فَقَضَىٰ عَلَيْهِ ۗ قَالَ هَٰذَا مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ ۗ إِنَّهُ عَدُوٌّ مُّضِلٌّ مُّبِينٌ (١٥) قَالَ رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي فَغَفَرَ لَهُ ۗ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ (١٦) قَالَ رَبِّ بِمَا أَنْعَمْتَ عَلَيَّ فَلَنْ أَكُونَ ظَهِيرًا لِلْمُجْرِمِينَ (١٧) فَأَصْبَحَ فِي الْمَدِينَةِ خَائِفًا يَتَرَقَّبُ فَإِذَا الَّذِي اسْتَنْصَرَهُ بِالْأَمْسِ يَسْتَصْرِخُهُ ۗ قَالَ لَهُ مُوسَىٰ إِنَّكَ لَغَوِيٌّ مُّبِينٌ (١٨) فَلَمَّا أَنْ أَرَادَ أَنْ يَنْطِشَ بِالَّذِي هُوَ عَدُوٌّ لَّهُمَا قَالَ يَا مُوسَىٰ أَتُرِيدُ أَنْ تَقْتُلَنِي كَمَا قَتَلْتَ نَفْسًا بِالْأَمْسِ ۗ إِنْ تُرِيدُ إِلَّا أَنْ تَكُونَ جَبَّارًا فِي الْأَرْضِ وَمَا تُرِيدُ أَنْ تَكُونَ مِنَ الْمُصْلِحِينَ (١٩)

Maksudnya:

“Dan ketika Musa sampai ke peringkat umurnya Yang cukup kekuatannya dan sempurna, Kami beri kepadanya kebijaksanaan serta ilmu pengetahuan; dan demikian Kami membalas orang-orang Yang berusaha memperbaiki amalannya.

Dan masuklah ia ke bandar (Mesir) Dalam masa penduduknya tidak menyedarinya, lalu didapatinya di situ dua orang lelaki sedang berkelahi, - seorang dari golongannya sendiri dan Yang seorang lagi dari pihak musuhnya. maka orang Yang dari golongannya meminta tolong kepadanya melawan orang Yang dari pihak musuhnya; Musa pun menumbuknya lalu menyebabkan orang itu mati. (pada saat itu) Musa berkata: "Ini adalah dari kerja Syaitan, Sesungguhnya Syaitan itu musuh Yang menyesatkan, Yang nyata (angkaranya) ".

Ia merayu (dengan sesalnya): "Wahai Tuhanku, Sesungguhnya Aku telah menganiaya diri sendiri; oleh itu ampunkanlah - apalah jua kiranya - akan dosaku". (maka Allah Taala menerima taubatnya) lalu mengampunkan dosanya; Sesungguhnya Allah jualah Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Ia merayu lagi: "Wahai Tuhanku, Demi nikmat-nikmat Yang Engkau kurniakan kepadaku, (peliharalah daku) supaya Aku tidak akan menjadi penyokong kepada golongan Yang bersalah".

Semenjak itu, Tinggalah ia di bandar (Mesir) Dalam keadaan cemas sambil memerhatikan (berita mengenai dirinya), maka tiba-tiba orang Yang meminta pertolongan kepadanya semalam, memanggil meminta pertolonganNya lagi. Musa berkata kepadanya: "Sesungguhnya Engkau ini orang Yang nyata sesatnya!"

Maka ketika ia bersedia hendak menumbuk orang Yang menjadi musuh bagi mereka berdua berkatalah orang itu: "Wahai Musa, Adakah Engkau hendak membunuhku sebagaimana Engkau membunuh satu jiwa semalam? sebenarnya Engkau hanyalah hendak menjadi seorang Yang kejam di bumi, dan tidaklah Engkau hendak menjadi seorang pendamai".

(Surah al-Qashash (28): 14-19)

Allah s.w.t menganugerahkan Nabi Musa a.s Hukum dan Ilmu

"Dan ketika Musa sampai ke peringkat umurnya yang cukup kekuatannya dan sempurna, Kami berikanlah kepadanya kebijaksanaan serta ilmu pengetahuan." (pangkal ayat 14). Terdapat kira-kira lebih kurang bahawa 30 tahun dia menjadi "anak angkat" Fir'aun. Dari kecil dia dibesarkan dalam istana Fir'aun. Tetapi sejak kecil pula, ibunya sentiasa membawanya pulang dari istana, bahkan dia diasuh, dibimbing di rumah ibunya sendiri dan disaat-saat yang perlu dibawa ke istana. Dengan demikian maka keluarga Imran, iaitu nama ayah kepada Musa a.s telah mendapat keuntungan dari hubungan anaknya dengan istana. Abangnya Harun pun telah mendapat pekerjaan yang layak di istana dan bebas masuk istana. Keluarga Musa, sebagai keluarga Bani Israil golongan yang tertindas dan dipandang hina, tetapi oleh kerana Musa menjadi "anak angkat" telah mendapat hak istimewa yang tidak diperolehi oleh keluarga Bani Israil yang lain. Keadaan ini pernah dihuraikan oleh Musa a.s dihadapan Fir'aun yang sendiri kemudiannya, sebagai yang tersebut pada ayat 22 dari Surat 26 asy-Syu'ara'.

Oleh itu, meskipun dia dianggap sebagai "orang istana", dia tidak terpisah dari kaumnya. Dia mengetahui apa yang dialami oleh kaumnya. Dia sentiasa terlihat perlakuan yang tidak adil yang dilakukan oleh kekuasaan Fir'aun "wa malai-hi" dan segala orang bawahannya terhadap kaumnya. Oleh itu, maka pengalaman-pengalaman yang pahit, yang dilihat, yang didengar, menambahkan pengetahuannya

tentang mana yang adil dan mana yang zalim. Dan terasa dalam hatinya, bahawa jika dia yang memegang hukum, sudah tentu tidak begini yang diputuskannya tentang hukum. Dia juga melihat perbezaan yang nyata tentang perilaku terhadap rakyat. Kalau yang bersalah itu kaum Qubhi iaitu kaum Fir'aun sendiri, kesalahan itu ditutup dan disembunyikan.

Sebaliknya, jika berlaku kesalahan dalam kalangan Bani Israil, maka hukumnya sangat kejam, tidak sepatutnya dengan kesalahan atau pelanggaran yang dilakukannya.

Keadaan yang disaksikan setiap hari yang menyebabkan bertambahnya matang dalam keperibadian Musa a.s. Menambah kecerdikan dan kepandaian. Allah telah memberi kepadanya anugerah Hukum dan Ilmu. Kerana di istana, dia diajar sebagai anak-anak orang bangsawan dan dalam kalangan masyarakat dia diajar oleh pengalaman-pengalaman dan melihat kepincangan-kepincangan yang berlaku terhadap rakyat yang lemah. *“Dan demikian Kami memberi ganjaran orang-orang yang perbaiki amalannya”* (hujung ayat 14).

Pada hujung ayat ini dapat kita mengambil suatu kenyataan bahawa disamping apa yang telah ditentukan oleh Allah bahawa Musa a.s kemudian hari akan menjadi Nabi dan Rasul kelak, dengan kehendak Tuhan juga telah ada orang-orang yang berbuat baik, yang telah berhasil usahanya sehingga Musa a.s menjadi seorang yang mengerti hukum dan berilmu. Sudah tentu yang berusaha berbuat baik ini adalah orang-orang yang mendidik dan mengasuhnya terutamanya ibu kandungnya, dan juga isteri Fir'aun yang budiman. Usaha mereka yang baik itu wajar dipuji (Abdul Karim, 1990).

Tangan yang terlanjur hingga membawa kematian

Pada firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Dan masuklah dia ke dalam kota, ketika penduduknya tidak menyedarinya (lengah).” (pangkal ayat 15).

Melihat kepada ayat tersebut, kemungkinan besar bahawa Musa a.s ketika itu tidak menunjukkan diri sebagai seorang dari istana. Oleh itu, dia tidak diperdulikan orang, apakah dan siapakah dia. *“Maka didapatinya di dalamnya dua orang lelaki bergaduh yang seorang dari golongannya,”* (iaitu dari golongan Bani Israil) *“dan yang seorang lagi dari golongan musuhnya”* (iaitu dari kaum Qubthi yang sekaum dengan Fir'aun sendiri). Sedangkan taraf Bani Israil ketika itu dianggap kelas bawahan, hamba sahaya yang rendah dan kaum Qubthi merasa dirinya taraf yang tertinggi dalam negeri oleh kerana mereka dari kaum Fir'aun.

Dalam firman Allah s.w.t bermaksud: *“Maka orang yang dari golongannya itu meminta tolong kepadanya untuk mengalahkan orang yang dari musuhnya.”*

Rupanya rasa dendam, benci dan muak memikirkan perangai kaum Qubthi terhadap Bani Israil selama ini telah meluap di dalam dada Musa a.s, sehingga permintaan pertolongan orang yang dari golongannya diterimanya. *“Musa pun menumbuknya lalu menyebabkan orang itu mati.”* Jelas sekali dalam ayat ini bahawa Musa a.s membunuh secara tidak sengaja. Dia hanya sengaja untuk memukul, tetapi akibatnya ialah kematian. Oleh kerana Musa a.s sangat menyesal dengan perbuatannya, yang jelas dari sambungan ayat *“Berkatalah Musa a.s”*: *“Ini adalah dari perbuatan syaitan,”* Bukanlah dari kehendakku sendiri. Sengaja hatiku bukanlah hendak membunuh orang, tetapi beginilah jadinya. Firman Allah s.w.t bermaksud: *“Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh menyesatkan yang nyata.”* (hujung ayat 15).

Menurut tafsiran Mujahid: ‘Ditumbuknya dengan mengepalkan telapak tanganya.’ Dalam bahasa Malaysia ialah ditumbuknya. Rupanya dengan sekali tumbuk sahaja menyebabkan kematian orang Qubthi itu. Dan bagi Musa a.s sendiri dengan menumbuk bukanlah bermaksud membunuh, tetapi tiba-tiba orang tersebut mati. Musa a.s menyesal dan mengakui bahawa dirinya telah masuk ke dalam pengaruh syaitan. Oleh kerana itu jelaslah bahawa kematian tersebut bukanlah membesarkan hati Musa a.s, malahan menimbulkan penyesalan yang sangat besar. Dan merasa telah terdorong memukul orang kerana tergerak hati apabila

mendengar seruan pemuda Bani Israil yang meminta tolong tersebut. Tanpa berfikir panjang, orang itu dibantunya, dan dengan sekali tumbukan telah membawa kepada kematian.

Meminta keampunan dari Allah s.w.t

Musa a.s menyesal dan sesalan hatinya itu diserukannya kepada Tuhan. Dia melakukan munajat: *“Dia pun merayu: “Tuhanku! Sesungguhnya aku telah menganiaya diriku sendiri!”* (pangkal ayat 16). Bagaimana jua pun aku telah bersalah. Suatu nyawa manusia telah melayang kerana salahku : *“Sebab itu ampunilah aku!”* Disitu sudah jelas Musa a.s tidak mempunyai dendam, meskipun dari kecil dia telah mendengar buah mulut orang bahawa kaumnya Bani Israil, dihina, diperendahkan oleh kaum Qubthi yang merasa mereka lebih tinggi dan mulia kerana mendapat perlindungan dari Fir’aun.”

Tuhan lebih tahu bahawa benarlah Musa a.s memukul, tetapi bukanlah sengaja membunuh. Dalam menceritakannya kepada Nabi kita s.a.w. pada ayat 15, Tuhan katakan juga bahawa ajal orang itu telah sampai, bertepatan dengan datangnya pukulan Musa a.s, *Fa qadha ‘alaihi!* Oleh hal yang demikian, *“Maka Allah pun mengampuni dia.”* Kerana Tuhan lebih tahu perbezaan bunuh sengaja dengan tumbuk yang menyebabkan ajal. *“Sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun, Maha Mengasihani.”* (hujung ayat 16).

Dengan kejadian seperti ini, Allah akan menanamkan hikmah yang sangat besar jua bagi Musa a.s. Kejadian sedih ini sangat memberi pengaruh bagi perkembangan jiwanya dan ketaatan kepada Allah. Di dalam hadis *syafa’at* yang terkenal, hadis sahih yang dirawikan oleh Bukhari dan Muslim. Ada menyebutkan bahawa Nabi s.a.w. mengatakan tentang manusia kelak di hari kiamat menghadap nabi-nabi meminta *syafa’at* mereka iaitu agar nabi tersebut menolong meringankan tuntutan Tuhan keatas mereka. Manusia kepada Nabi Adam a.s, sesudah itu Nabi Nuh a.s, sesudah itu kepada Nabi Musa a.s, sesudah itu kepada Nabi Isa a.s, akhir sekali kepada Nabi Muhammad s.a.w. maka segala nabi-nabi yang ditemui manusia itu tidak dapat menolong, mereka merasa mempunyai masalah mereka sendiri dengan Tuhan. Nabi Musa a.s mangatakan bahawa, orang yang terbunuh kerana pukulannya itu mesti dipertanggungjawabkannya di hadapan Tuhan. Nabi Isa a.s menjawab bahawa kerana manusia menganggap dirinya menjadi Tuhan pula itu mesti dipertanggungjawabkannya. Akhirnya manusia meminta *syafa’at* kepada Nabi Muhammad s.a.w. Maka beliaulah yang mengabulkan permohonan manusia tersebut. Dengan cerita kelak kemudian hari dalam hadis ini, jelaslah bagaimana merasa beratnya Musa a.s terhadap kematian musuhnya yang tidak disengajakan itu.

Di dalam ayat 10 dan 11 dari surah 27 (surah an-Naml), telah terlihat ketakutan dan keseganan Musa a.s ketika tongkatnya telah menjelma menjadi Ular Besar (Naga) di hadapan Tuhan dan Musa a.s merasa takut. Tuhan Maha Mengetahui salah satu yang ditakutkannya, iaitu kerana rasa bersalah akibat kematian orang itu juga. Oleh hal yang demikian, Tuhan telah memberi keampunan, benar-benarlah bertemu apa yang dikatakan oleh Nabi kita s.a.w. di dalam hadis sahih, bahawasanya orang yang mendalam imannya memandang suatu dosa yang betapa kecilnya, seakan-akan dia duduk di bawah gunung yang dia takut akan menyimpannya. Sedangkan manusia biasa yang beriman lagi begitu, apatah lagi Nabi Musa a.s, seorang Rasul Yang Agung (Abdul Malik, 1990).

Tidak perlu menolong orang yang berbuat jahat

“Dia merayu lagi: Wahai Tuhan! Demi nikmat-nikmat yang telah Engkau anugerahkan kepadaku.” (pangkal ayat 17). Dan sekali tumbukan memukul orang, orang tersebut mati. Pada hakikatnya ini adalah suatu nikmat di antara berbagai nikmat yang dianugerahkan Allah kepadanya. Badannya sihat, tinggi lampai, gagah perkasa. Malahan ada riwayat mengatakan

bahawa bulu dada dan bulu lengan beliau yang berketak-ketak itu dapat menembusi bajunya!. Melihat wajahnya, bentuk badannya dan mendengar suaranya sahaja, orang sudah semestinya terpengaruh. Semua itu adalah nikmat jasmani. Adapun nikmat akal sudah diberikan terlebih dahulu, iaitu hukum dan ilmu. Beliau cukup berwibawa. Menyedari akan nikmat Allah itu berjanjilah dia : *“supaya aku tidak akan menjadi penyokong kepada golongan yang bersalah.”* (hujung ayat 17).

Dengan demikian, sinar nubuwat pun telah datang kepada beliau. Beliau telah insaf akan nikmat Ilahi atas dirinya. Kuat, gagah perkasa, tempat si miskin meminta tolong. Maka berjanjilah Musa a.s di hadapan Tuhan bahawa mulai saat itu, nikmat Allah yang ada pada dirinya itu akan dipergunakannya sebaik-baiknya. Bukan secara suka-suka, melainkan dengan perhitungan, bukan untuk hal yang remeh temeh, tetapi untuk maksud dan cita-cita yang besar.

Pengacau yang nyata

“Lantaran itu tinggallah dia di kota itu dalam cemas.” (pangkal ayat 18). Ketakutan kerana akan ditangkap dan diminta untuk dipertanggungjawabkan ke atas kematian orang Qubthi yang mati itu. Nescaya akan dirampaslah kemerdekaannya: *“Sambil mengintip-intip,”* melihat ke kiri ke kanan, melihat dari jauh-jauh kalau ada orang-orang suruhan istana yang sedang mencarinya. Hal ini kerana, kematian seorang Qubthi itu akan segera sampai beritanya ke dalam istana. Bukan sebagai kalau seorang Bani Israil yang mati terbunuh. Kerana Musa a.s sangat berhati-hati ketika berjalan. *“Tiba-tiba orang yang meminta tolong kepadanya kelmarin itu memanggil-manggil meminta pertolongannya lagi.”* Dia rupanya pula sedang bergaduh dengan orang Qubthi yang lain. Kerana dia merasa tidak dapat dihadapi sendiri dilihatnya Musa a.s, dia merasa berbesar hati kerana ada kawan yang akan menolongnya, kawan kelmarin. Oleh kerana itu dia bersorak-sorak memanggil Musa a.s untuk meminta pertolongan. *“Lalu Nabi Musa berkata kepadanya: “Sesungguhnya engkau seorang pengacau yang nyata.”* (hujung ayat 18).

Ghawiyyun diertikan sebagai pengacau. Iaitu orang yang suka mencari perselisihan, sentiasa menganggap dirinya betul, dan dia sahaja yang benar. Jikalau bertengkar, mulutnya sahaja yang keras. Tetapi jikalau sudah bergaduh dengan tenaga, dia tidak mempunyai kekuatan, dan jika ada orang yang ingin membantu, mulutnya bertambah keras. Yang terkusut tidak sanggup dia menyelesaikan, yang keruh tidak sanggup menjernihkannya. Musa a.s menganggap orang ini pengacau kerana yang bertengkar dan bergaduh kelmarin juga adalah dia. Sehingga Musa a.s turun tangan memukul orang sehingga mati. Sekarang orang tersebut meminta pertolongan sekali lagi supaya Musa a.s pula yang membalas dendamnya. Hal ini kerana, dia sendiri tidak sanggup menyelesaikannya. Yang dia hanya banggakan adalah dia dari kalangan Bani Israil, kerana itulah Nabi Musa membelanya walaupun dia yang bersalah.

Tersebar nya berita

Setelah dia mengatakan bahawa Isaili itu seorang yang sangat pengacau, barulah dia menghadap pula dengan sikap mencabar kepada Qhitbi itu : *“Maka tatkala dia hendak menyerang orang yang menjadi musuh mereka berdua itu, berkatalah dia: “Hai Musa! Apakah engkau hendak membunuhku pula sebagai mana telah engkau membunuh satu jiwa kelmarin?”* (pangkal ayat 19). Dengan kata-kata Qutbi ini menampakkan tentang pembunuhan kelmarin itu telah tersebar beritanya dalam seluruh kota. Telah menjadi buah mulut dan Musa a.s menjadi tumpuan tuduhan. Mungkin kerana dia dipandang orang yang dikasihi istana, dan belum ada tindakan keatasnya, lalu orang itu menambah pula: *“sebenarnya Engkau hanyalah hendak menjadi seorang yang kejam di bumi,”* dan melakukan apa yang engkau mahu. Tidak

disenangi orang dan siapa yang melawan diajak pula bergaduh. Kerana begitulah kelakuan dari orang yang bermaharajalela atau sewenang-wenang: *“Dan tidaklah engkau bermaksud ingin menjadi seorang pendamai.”* (hujung ayat 19). Teguran orang yang berhak diserangnya itu keras sekali sehingga terasa kepada jiwa Musa a.s.

Terdapat dua pentafsiran tentang siapa yang berkata iaitu satu tafsiran mengatakan bahawa yang berkata demikian adalah anak kepada Israil itu. Kerana setelah Musa a.s mengatakan bahawa dia seorang yang sangat pengacau, ketika dia hendak memukul atau menyerang Qubthi. Telah menyangka Israili bahawa dia yang hendak ditampar oleh Nabi Musa dan mengatakan apakah Musa a.s akan membunuhnya pula sepertimana dia membunuh orang kelmarin? Dengan pertanyaan demikian, tahulah orang-orang yang melihat bahawa Musa a.s rupanya yang membunuh orang yang mati kelmarin itu. Tetapi pentafsiran yang kedua pula bahawa yang berkata demikian ialah orang Qubthi yang nyaris diserangnya itu. Melihat kepada pentafsiran yang kedua, kerana lanjutan katanya bahawa “memukul” atau “menumbuk” bukanlah perbuatan seorang mushlih, seorang yang ingin mencari perbaikkan. Itu adalah seorang yang menegakkan haknya dengan buku tangannya. Seorang Mushlih, seorang yang suka akan kebaikan, kalau orang berselisih, hendaklah dia mengetahui dan mendamaikannya, bukan memihak kepada sebelah pihak sahaja.

Seakan-akan nampak di mata kita di antara dua orang yang bergaduh ini meskipun Israili kaum dan keluarga Musa a.s tetapi dalam hal ini dia dipihak yang salah dan Qubthi nampaknya lebih cerdas dibanding Israili. Dalam tangkisan katanya Nampak kecerdasannya. Dan dapat dilihat bahawa pada masa itu sudah mulai terasa bahawa Musa a.s itu memang Mushlih atau Pemimpin yang ingin perubahan pada kaumnya Bani Israil. Telah menjadi desas-desus, sama ada dari kalangan Bani Israil ataupun dari kalangan Qubthi bahawa terdapat tanda-tanda Musa a.s ini akan memimpin kaumnya di kemudian hari. Tetapi dengan perkara yang terjadi ini iaitu menyebabkan kematian kelmarin dan sekarang nyaris pula memukul orang, keluarlah pukulan halus dari Qubthi. Kalau bigini caranya engkau hendak membela kaummu, ini bukanlah sikap pemimpin atau seorang Mushlih yang ingin memperbaiki. Ini adalah daripada sikap seorang “jaguh silat!” (Abdul Karim, 1990).

Ulasan daripada kisah tersebut:

Melalui kisah ini dapat disimpulkan terdapat dua pemuda yang bergaduh iaitu salah seorang pemuda meninggal dunia kerana Musa a.s secara tidak sengaja telah membunuhnya melalui pukulannya semasa ingin mempertahankan kaumnya yang di zalimi. Pembunuhan secara tidak sengaja itu adalah kerana perbuatan syaitan yang telah menyalakan kemarahannya dan juga disebabkan Musa a.s seorang pemuda yang gagah perkasa serta kuat. Dan seorang lagi iaitu lelaki yang bergaduh dengan si mati tersebut.

Penerangan mufassirin tentang dua orang pemuda dalamsurah al-Qashash (ayat 14-19)

Tafsir Jalalayn Tafsir Jalalayn mentafsirkan telah masuk Musa a.s ke kota iaitu kota Firaun yang bernama kota Memphis, sesudah sekian lama dia meninggalkannya ketika penduduknya sedang lengah ketika itu orang-orang berehat di siang hari. Maka didapatinya di dalam kota itu dua orang lelaki yang sedang bergaduh dan salah satu daripadanya berbangsa dari kalangan Bani Israil dan seorang lagi dari musuhnya iaitu seorang bangsa Mesir. Pada mulanya orang Mesir itu menghina warga Bani Israil itu sewaktu orang Mesir itu menyuruhnya untuk membawa kayu bakar ke dapur raja Fir'aun. Maka orang yang dari bangsa Musa a.s meminta pertolongan kepadanya, untuk mengalahkan orang yang dari musuhnya. Musa a.s berkata kepada orang Mesir itu, "Lepaskanlah dia dan biarkan dia pergi! Menurut suatu riwayat disebutkan, bahawa orang Mesir itu berkata kepada Musa a.s,

"Sungguh aku berniat untuk menyeretnya ke hadapanmu" Lalu Musa a.s menumbuknya dengan kepala tangannya. Musa a.s sangat kuat lagi keras pukulannya lalu musuhnya itu mati. Musa a.s telah membunuhnya, padahal Musa a.s tidak bermaksud untuk membunuh, lalu dia menguburnya di dalam pasir. Dan Musa a.s berkata, "Ini adalah pembunuhan akibat perbuatan syaitan yang telah menyalakan amarahku dan sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagi anak Adam yang menyesatkan lagi nyata permusuhannya (Abdul Ra'uf, 2003).

Imam Quraish Shihab Melalui tafsir Mishbah mengatakan Musa a.s memasuki Mesir pada saat para penduduknya dalam keadaan lengah. Di sana, dia menemukan dua orang lelaki sedang bergaduh. Yang satu berasal dari kalangan Bani Israil dan yang lain adalah pengikut Fir'aun. Orang Bani Israil itu meminta bantuan Musa a.s melawan musuhnya. Musa a.s telah membantunya dengan memukul pengikut Fir'aun dengan kepala tangannya (menumbuk). Dia pun akhirnya mati, padahal Musa tidak bermaksud membunuhnya. Musa a.s berasa bersalah dan mengatakan, "Keberanianku melakukan hal ini sungguh merupakan perbuatan syaitan. Sungguh, syaitan adalah musuh yang amat jelas permusuhan dan kesesatannya (M.Quraish, 2002).

Tafsir Ibnu Kathir Maksudnya pada waktu tengah hari, di waktu penduduk sedang berehat di mana pergaduhan itu terjadi disebabkan adalah seperti yang diceritakan Qatadah, iaitu orang Qibthi ingin memaksa seorang dari Bani Israil membawa kayu bakar ke dapur Fir'aun, namun dia menolaknya. Menurut Saa'id bin Jubair, bahawa dia (orang Qibthi) tersebut adalah tukang masak di dapur Fir'aun. Dan ketika itu, Musa a.s telah dikenali dari kalangan Bani Israil. Maka Musa a.s menolongnya, dan menolong orang yang terzalimi adalah wajib dalam semua syariat. Namun Musa a.s adalah seorang yang memiliki tenaga yang kuat sehingga membunuh. Yang bermaksud Musa a.s menyesal atas kematian orang itu disebabkan pukulannya, kerana dia bukanlah bermaksud untuk membunuhnya, tetapi semata-mata membela kaumnya, dan yang demikian merupakan hiasan dan was-was syaitan. Oleh kerana itulah terjadinya perbuatan tersebut disebabkan permusuhannya yang nyata dan keinginannya untuk menyesatkan manusia (H. Said Bahreisy, 1988).

Tafsir al-Azhar

Dan pada ayat yang ke 19 surah al-Qashash ini, terdapat seorang lagi lelaki dimana Nabi Musa mengatakan dia seorang pengacau yang nyata iaitu lelaki yang bergaduh dengan salah seorang lagi yang mana Musa a.s membelanya dan ingin meminta pertolongan sekali lagi tetapi rupanya dia adalah orang yang suka mencari perselisihan, sentiasa menganggap dirinya betul, dan dia sahaja yang benar. Jikalau bertengkar, mulutnya sahaja yang keras. Tetapi jikalau sudah bergaduh dengan tenaga, dia tidak mempunyai kekuatan, dan jika ada orang yang ingin membantu, mulutnya bertambah keras. Setelah dia mengatakan bahawa Isaili itu seorang yang sangat pengacau, barulah dia menghadap pula dengan sikap mencabar kepada Qhitbi itu: "Maka tatkala dia hendak menyerang orang yang menjadi musuh mereka berdua itu, berkatalah dia: "Hai Musa! Apakah engkau hendak membunuhku pula sebagai mana telah engkau membunuh satu jiwa kelmarin?". Dengan kata-kata Qutbi ini menampakkan tentang pembunuhan kelmarin itu telah tersebar beritanya dalam seluruh kota.

Ada terdapat dua pentafsiran tentang siapa yang berkata iaitu satu tafsiran mengatakan bahawa yang berkata demikian adalah anak kepada Israil itu. Kerana setelah Musa a.s mengatakan bahawa dia seorang yang sangat pengacau, ketika dia hendak memukul atau menyerang Qubthi. Israili menyangka dia akan ditampar oleh Musa a.s dan mengatakan apakah Musa a.s akan membunuhnya pula seperti mana dia membunuh orang kelmarin (Abdul Karim, 1990).

Tafsir al-Thabari

Maka orang Qibthi yang berada di situ mendengarnya dan mengetahui bahawa orang yang melakukan pembunuhan kemarin adalah Musa a.s, dia pun segera pergi memberitahukan Fir'aun sehingga Fir'aun sangat marah dan ingin membunuh Musa a.s (Isham Faris, 1994).

BIBLIOGRAFI

Kitab Tafsir

al-Quran al-Karim

Abdul Karim, Abdul Malik. 1990. *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka National PTE LTD

H. Salim Bahreisy H. Said Bahreisy. 1988. *Terjemahan Tafsir Ibnu Kathir*. Kuala Lumpur. Syarikat Percetakan Ihsan.

Abdul Ra'uf al-Fansuri. 2003. *Tafsir Jalalayn*. Jakarta: Sinar Baru Algensindo M.Quraish Shihab. 2002. *Tafsir Misbah*. Jakarta, Indonesia: Lentera Hati.

Dr. Basyar 'Awad Ma'ruf, Isham Faris al-Harsani. 1994. *Tafsir al-Thabari*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Mustaufa Muhsin Ahmad. *Tafsir Kasyaf*. Makkah: al-Maktabah al-Tijariyah.

Muhammad Thalib. 2001. *Tafsir Al-Maraghiy*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.

Ibnu Kathir. 2008. *Tafsir Ibn. Kathir*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i

Bahrn Abu Bakar, Anwar Abu Bakar. 2003. *Tafsir ibn Kathir*. Ter. Bandung: Sinar Baru Algensindo.

Ahmad Sarji Abdul Hamid. 2001. *Metodologi Dakwah*. Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Fuad Ifrah al-Bustani. 1982. *Mu'jam al-Thulab*. Beirut. Dar Masyriq.

Hasnah Ghani. 1995. *Jenayah Remaja Permasalahan dan Penyelesaian*. Shah Alam: HIZBI

Hafizah Dasuki. 1997. *Ensiklopedia Hukum Islam*. Jil. 1. Jakarta PT. Inhtiar Baru Van Hoeve.

Karl C. Garisson. 1973. *Psychology of Adolescence*. Edisi 7. New Jersey: Prentice Hall INC Englewood Cliffs.

Khadijah Haidi Khalid. 1994. *Meneroka Alam Remaja*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Mahjubah Megazine. 1992. *Pendidikan Anak-Anak Kini dan Masa Depan Tinjauan Islam dan Permasalahan*. Terj: Ys Yadi Kurniawan. Jakarta: Penerbit Firdaus.

Noraini Ahmad. 1994. *Kaunseling Remaja Pengakaman Peribadi Seorang Kaunselor*. Selangor: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.

Sulaiman Ibrahim. 2000. *Dakwah dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Yusoff Zaky Yacob. 2014. *Ilmu Jiwa*. Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn Bhd.

Zakiah Daradjat. 2015. *Perwatakan Jiwa untuk Pemuda*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

Dr. Umar Sulaiman Al-Asyqor. t.t. *Kisah-Kisah Shahih Dalam AL-Quran & As-Sunnah*. Dosan Fakultas Syariah Universitas Islam Yordania. Maktabah Abu Salma al-Atsari. Tim Pustaka ELBA.

Dr. Haji Yusuf Baihaki. 2015. *Kisah Al-Quran Studi Kritis Terhadap Kajian Al-Quran Kontemporer*. LP2M Institusi Agama Islam: Raden Intan Lampung.

Masmukhah. 2009. *Pengulangan Kisah Nabi Musa Dalam Al-Quran Dan Relevansinya Dengan Repetisi Pembelajaran*. Manajemen dan Kebijakan

- Pendidkan Islam: Yogyakarta.
- Qaththan, Manna K. *Mabahits fi Ulumul Quran*. t.t. Masyurah al-Asyr, 1073.
- Dr. Hj Yuyun Afandi. 2014. *Kisah-Kisah Dalam Al-Quran*. Fakultas Dakwah Dan Komunikasi: Walisongo.
- Mohd Ismail bin Mustari. 2002. *Pembentukan Nilai Kecemerlangan Bagi Melahirkan Generasi Muda Yang Mapan Dalam Menghadapi Era Pascamodenisme*. Pusat Pengajian Islam: Johor.
- Nurul Hidayati Rofiah. t.t. *Kisah-Kisah Dalam Al-Quran dan Relevansinya Dalam Pendidikan Anak Usia SD/MI*. Program Studi PGSD FKIP UAD.
- Nur Laili Abdul Azis. 2014. *Penafsiran Kisah Nabi Musa dan Nabi Khidir Dalam Al-Quran Menurut Hamka Dan Quraish Shihab*. Fakultas Ushuluddin & Filsafat: Surabaya.
- Jauhar Hatta Hasan. t.t. *Urgensi Kisah-Kisah Al-Quran Al-Karim bagi proses Pembelajaran Pai Pada MI/SD*. Fakultas Tarbiyah IAIN/UIN Sunan Kalijaga: Yogyakarta
- Yovi Nur Rohmad. 2016. *Menggali Pendidikan Karakter Dari Kisah-Kisah Di Dalam Al Quran San Al-Hadis*. Fakultas Ilmu Tarbiyah Dan Keguruan: Malang.
- Gustino Rio Wanda. 2015. *Kisah Nabi Musa Dalam Al-Quran Surah Al-Kahfi Ayat 60-82(Studi Pemikiran Sayiid Quthb Dan Buya Hamka)*. Fakultas Ushuluddin: Pekanbaru.
- Reval. 2013. *Definisi Pemuda*. Oktober
- Asmah Bee Mohd Noor. 1999. *Remaja Dorongan Ke Arah Penentangan*. Muslimah, Ogos
- Laili Ibrahim. 2012. *Mengenai Masalah Moral Remaja di Kalangan Remaja*. Dakwah, Mei
- Saerah Siraj. 1999. *Pembentukan Keluarga Muslim Sebenar Ke Arah Membina Negarawan Muslim*. Muslimah, Ogos.
- Hussain Mohamed. 1986. *Gerakan Belia di Malaysia*. 1986: 1-7. Gateway Publishing House.
- Kamus Dewan. 1996. Ed. Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hj. Zainal Abidin Safrar. 1995. *Kamus Besar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.